

17/04/1999

KeADILan tiada agenda memperjuangkan Melayu

Radzi Wahab; Bakhari Ariff

SIAPAKAH yang cuba diwakili Parti Keadilan Nasional (KeADILan)? Ia tidak ditumpukan kepada orang Melayu saja kerana parti itu membuka keahliannya kepada semua bangsa. Bolehkah parti yang membuka keahliannya kepada semua kaum diterima rakyat? Sejarah telah membuktikan sebuah parti pelbagai kaum tidak pernah berjaya di Semenanjung Malaysia.

Kelangsungan Melayu di tanah air yang pernah dibelenggu penjajahan Inggeris dan Jepun hingga kini hanya dapat diperjuangkan Umno. Tindakan bekas pengasas Umno, Datuk Onn Jaafar yang keluar dari parti untuk menubuhkan Parti Negara yang membuka keahlian kepada semua kaum gagal mendapat sokongan. Apakah KeADILan akan mengalami nasib yang sama seperti Parti Negara yang ditubuhkan pada 1954 itu?

Pas yang cuba menanggung di air keruh di tengah pergolakan politik Umno mungkin kini berasa kecewa dengan gagasan yang cuba dimainkan KeADILan. Kewujudan KeADILan memberikan satu tamparan hebat kepada Pas ketika parti itu sedang giat mengumpulkan keahlian.

Pemimpin Pas begitu yakin orang Melayu sedang meruap kemarahannya terhadap nasib Datuk Seri Anwar Ibrahim dan akan meninggalkan Umno untuk menyertai parti itu. Pas percaya penjualan akhbarnya, Harakah yang melonjak beberapa ketika sejak penahanan Anwar dan kehadiran yang ramai di ceramah politiknya sebagai tanda sokongan. Kehadiran ramai di majlis ceramah dan penjualan Harakah tidak boleh menjadi petunjuk kepada sokongan orang Melayu secara keseluruhan. Ini terbukti dalam beberapa pilihan raya lalu.

Selain mendampingi Pas, DAP dan Parti Rakyat Malaysia, KeADILan turut bekekerjasama dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO). Terlalu banyak parti dan NGO yang cuba mengeksploitasi keadaan boleh menumpulkan semangat perjuangan orang Melayu dalam KeADILan. Gerakan antikerajaan agak berkecamuk dengan parti politik pembangkang dan beberapa NGO bersekongkol melalui Majlis Gerakan Keadilan Rakyat Malaysia (Gerak). Landasan mereka memang sama, iaitu kemarahan yang tidak terhingga terhadap Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad atas pelbagai sebab tersendiri.

Bagaimanapun, objektif mereka berlainan. Pas mahu mewujudkan sebuah negara Islam, manakala KeADILan mahu menubuhkan Barisan Nasional supaya Anwar dapat dilantik menjadi Perdana Menteri walaupun Pas mungkin berasa presidennya, Datuk Fadzil Noor lebih layak menyandang jawatan itu. DAP pula mahu menafikan BN gagal mendapat dua pertiga majoriti, sementara PRM yang berideologi sosialis saintifik mungkin mahu memperluaskan pengaruhnya dengan menumpang pengaruh pembangkang kerana tidak diwakili langsung dalam Parlimen dan Dewan Undangan Negeri.

Walaupun objektif mereka berbeza, mereka sanggup mengadakan unholy alliance (pakatan sumbang) untuk memanjangkan hasrat terpendam masing-masing. Menurut pemerhati politik, pakatan parti pembangkang terbabit sudah membahagikan kawasan pilihan raya yang akan ditandingi parti masing-masing. Mungkinkah KeADILan turut meletakkan calon bukan Melayu bertanding? Mungkinkah mereka bercakaran dalam pembahagian kerusi pilihan raya.

Pada sidang akhbar selepas melancarkan parti berkenaan, Timbalan Presidennya, Dr Chandra Muzaffar, berkata KeADILan mempunyai matlamat untuk memenangi pilihan raya umum dan akan memohon pengampunan Yang di-Pertuan Agong, jika Anwar dijatuhkan hukuman penjara. Malah, katanya, Anwar akan diberi peluang menjadi Perdana Menteri selepas memenangi kerusi

Parlimen dalam pilihan raya umum nanti.

KeADILan dilancarkan dengan meminda nama parti Ikatan Masyarakat Islam Malaysia yang ditubuhkan pada 1990 pada mesyuarat agung luar biasanya, baru-baru ini. Persoalannya kini ialah bolehkah sebuah parti yang perlembagaannya berteraskan politik seperti yang dinyatakan Presidennya, Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail menjamin hak istimewa dan kelangsungan Melayu dalam politik, ekonomi, pendidikan dan sosial tanpa menggadaikan maruah bangsa.

Bolehkah KeADILan mengembangkan syiar Islam tanpa mengguris hati ahli bukan Islam? Apa yang diketahui bakal ahli parti itu di majlis pelancarannya, Perlembagaan KeADILan tidak menekankan syiar Islam dalam Perlembagaannya seperti Umno.

Sesungguhnya KeADILan tidak menekankan hala tuju berakar umbi kepada agenda Melayu seperti Umno kecuali mengajak orang Melayu berpaut kepadanya. Kononnya orang Melayu kini tertindas dan semua harta kekayaan negara dibolot segelintir mereka yang rapat dengan pemimpin kerajaan. Perjuangan tanpa agenda yang kukuh untuk memartabatkan Melayu pasti kecundang dalam menerjah peradaban bangsa Melayu di persada dunia.

Orang Melayu yang telah mengharungi jerih-perih kehidupan sejak zaman kesultanan Melayu, penaklukan Inggeris dan penjajahan Jepun tidak memerlukan sebuah parti yang kononnya mahu menegakkan keadilan dan sekadar memeriahkan lagi suasana politik di negara ini. KeADILan tidak boleh dianggap parti serpihan Umno seperti Parti Melayu Semangat 46 (S46) yang telah sedikit sebanyak menggugat perpaduan ahli Umno terutama di peringkat awalnya.

Bagaimanapun, asas penubuhan KeADILan berbaur dendam kesumat terhadap pucuk pimpinan Umno. Biarlah orang Melayu berpecah-belah, asalkan hasrat membalas dendam tercapai. Perpecahan Melayu adalah sesuatu yang tidak diinginkan berlaku. Lebih malang lagi, ia berlaku ketika orang Melayu sedang berjuang untuk memartabatkan perjuangan bangsa di samping meletakkan Malaysia di persada dunia.

Ketika negara ingin menyaingi kuasa lain dalam pelbagai bidang, termasuk teknologi maklumat dan pendidikan, perpecahan yang berlaku dalam arena politik sudah pasti memberi kesan negatif kepada usaha murni ini. Orang Melayu kini masih belum lagi merealisasikan sepenuhnya agenda bangsa sedangkan bangsa lain terus mengejar kemajuan.

Bekas Timbalan Presiden Parti Melayu Semangat 46 (S46), Datuk Dr Rais Yatim, berkata orang Melayu akan berada dalam kerugian jika menganggap KeADILan dapat memperjuangkan dan membela nasib Melayu. Menurutnya, KeADILan tidak mempunyai teras kemelayuan dan hala tuju perjuangan Melayu di dalam perlembagaannya walaupun parti itu cuba menarik seberapa ramai orang Melayu menyertainya.

"Berbeza dengan perjuangan S46 ketika keluar daripada Umno dulu, kami tidak mengubah walau satu titik noktah perlembagaan. Tetapi KeADILan adalah satu lagi parti majmuk yang dengan erti kata lain hanya akan mengutamakan kepentingan masyarakat berbilang kaum.

"Malah, kenyataan Dr Chandra Muzafar yang Anwar akan menjadi Perdana Menteri jelas sekali menunjukkan penubuhan KeADILan hanya untuk kepentingan peribadi orang tertentu dan bukannya membela orang Melayu," katanya. Sehubungan itu, katanya, perjuangan orang Melayu seharusnya menghalusi Fasal 3 Perlembagaan Umno yang mendaulatkan agenda dan nasionalisme Melayu. Pendirian terhadap bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, kebudayaan Melayu sebagai teras nasional, Raja Melayu dan hak istimewa orang Melayu tidak kedapatan dalam KeADILan.

"Orang Melayu kini sedang berdepan dengan ujian yang getir. Lantas, mereka mesti bijak memilih perjuangan parti yang mengandungi agenda Melayu. Hak asasi orang Melayu, ekonomi, bahasa dan budaya Melayu harus

terserlah dalam perjuangan mereka. Jika samar-samar, bermakna mereka gagal dalam perjuangan itu dan harus ditolak sepenuhnya," katanya.

Bagaimanapun, Pensyarah Sains Politik Sekolah Pembangunan Sosial Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof Madya Dr Ahmad Atory Hussain percaya orang Melayu sudah semestinya menolak KeADILan berasaskan budaya politik yang sekian lama terterap dalam jiwa Melayu.

"Budaya politik Melayu masih lagi konservatif walaupun masyarakat kita kini masyarakat moden dan memasuki era teknologi maklumat. Mereka masih mengamalkan budaya yang wujud sejak daripada zaman Sejarah Melayu, iaitu pantang menderhaka kepada ketua. Jadi, apabila penubuhan KeADILan dikaitkan dengan tindak-tanduk Anwar yang dilihat cuba menentang parti pemerintah, orang Melayu sudah tentu tidak boleh menerima parti itu. Pantang anak Melayu menderhaka," katanya.

KeADILan pada dasarnya tidak berupaya menarik minat orang Melayu yang tinggal di luar bandar. Dengan erti kata lain, KeADILan hanya mampu menarik sebilangan kecil orang Melayu yang menggelar diri mereka reformis dan intelek bandar. Golongan muda yang menyokong KeADILan adalah dari kalangan mereka yang tidak mendapat tempat dalam Umno, tetapi menganggap Pas sebagai 'parti orang tua'. Golongan ini selain kumpulan anti-establishment yang turut menyokong KeADILan mendapati retorik Anwar menarik.

Bagaimanapun, golongan intelek yang menyertai KeADILan bukan golongan terdepan, sebaliknya daripada kalangan pertengahan atau tercicir. Mereka kecewa dengan keadaan tertentu atau ditolak parti kerajaan hingga menyebabkan mereka tiada pilihan kecuali menyertai parti baru.

Orang Melayu perlu berwaspada terhadap KeADILan yang mungkin menjadi alat parti pembangkang yang telah lama bertapak terutama Pas dan DAP dalam pilihan raya akan datang. Seperti Pas, DAP yang kini menghadapi kemelut dalaman mengambil kesempatan cuba mengembangkan sayapnya di tengah gelombang gerakan reformasi.

Ketua Pengarah Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (Isis), Datuk Mohamed Jawhar Hassan, menganggap senario itu sebagai taktik biasa yang digunakan parti politik yang cuba menggunakan apa saja peluang untuk mengukuhkan kedudukan mereka sendiri dan melemahkan kedudukan lawan.

"Parti KeADILan ini sebagai satu hadiah kepada mereka untuk melemahkan Umno dan Barisan Nasional," katanya.

Dr Rais mengingatkan orang Melayu bahawa menyertai KeADILan akan mengulangi sejarah politik pembangkang di negara ini: "Habis manis sepah dibuang. Mula-mula mereka bermesra, tetapi jika tidak menerima mandat yang diharap-harapkan, cerai talak akan muncul. "DAP dulu memeluk S46 erat-erat, tetapi apabila kami kalah dalam pilihan raya dan mereka tahu kuasa memerintah tidak berada di ambang pintu, dengan mudah mereka mengetepikan S46. Begitu juga dengan Pas, mula-mula mereka anggap S46 hebat. Tetapi apabila kisah salib di Sabah mengalahkan S46, mereka pun perlahan-lahan menjadikan kami daripada adik kandung kepada adik tiri," katanya.

Orang Melayu tidak harus terus membiarkan diri mereka dibuai lena dan terperangkap dalam kemelut politik antikerajaan. Kita sudah mempunyai institusi yang sudah menjamin kekuatan orang Melayu, iaitu Umno.

Kita tidak boleh membiarkan emosi menguasai kita sehingga tidak bertindak rasional. Jangan biarkan api kemarahan dan dendam disuntik ke dalam jiwa kita. Orang Melayu adalah bangsa yang berbudaya dan beradap. Imbau kembali sejarah yang telah mendewasakan Melayu.

(END)